



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN *ONE-OFF*
KERAJAAN NEGERI MELAKA KEPADA
PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI MELAKA
BERSAMA YAB KETUA MENTERI

TARIKH: 22 APRIL 2021 (KHAMIS), MASA: 12:00 TENGAHARI
DI HOTEL MITC, AYER KEROH, MELAKA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA.”**

Terima kasih Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani bin Khamis,
EXCO Pelancongan, Warisan & Kebudayaan Negeri
Melaka;

Yang Berusaha Encik Sa'ari bin Basiron,
Pengurus Besar,
Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka;

Seterusnya, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan media,
hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, pada tengah hari ini, kita dapat hadir bersama-sama di **Majlis Penyampaian Bantuan One-Off Kerajaan Negeri Melaka kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka**. Di kesempatan ini, rasanya masih belum terlewat lagi untuk saya mengucapkan **Selamat Berpuasa** kepada semua penggiat industri pelancongan Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada **Bahagian Promosi Pelancongan (BPP)** dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI MELAKA

3. Seperti mana yang kita sedia maklum, **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang telah dilaksanakan bermula pada **18 Mac 2020** dan **PKP 2.0** bermula pada **13 Januari 2021** akibat daripada penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan terhadap ekonomi negara terutamanya sektor pelancongan yang teruk terjejas dan memberikan impak kepada penggiat industri pelancongan termasuk di Negeri Melaka.

4. Suka saya mengingatkan kepada semua penggiat industri pelancongan di Melaka agar mengamalkan norma-norma baharu dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk memutuskan rantai wabak ini. Pada masa yang sama, pastikan saudara dan saudari semua mendaftar di MySejahtera untuk menerima suntikan vaksin.

5. Kerajaan Negeri Melaka melalui Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sedang melaksanakan **Program Pensijilan Patuh dan Amal SOP COVID-19 Negeri Melaka seperti yang telah saya umumkan sebelum ini.** Berhubung perkara ini, **Negeri Melaka merupakan negeri pertama di Malaysia ke arah 100% Patuh & Amal SOP COVID-19 di premis dan fasiliti pelancongan.** Saya yakin usaha ini dapat meningkatkan lagi tahap keyakinan para pelancong untuk mengunjungi Melaka.

Saudara dan saudari sekalian,

6. Sektor pelancongan merupakan penyumbang terbesar kepada **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** Negeri Melaka. Pada tahun **2019**, sektor ini telah menyumbang sebanyak **48.0% peratus** kepada KDNK Negeri dengan nilai *output* **RM20.940 bilion**. Selain itu, pada tahun lepas iaitu tahun **2020**, Negeri Melaka telah menerima **5.7 juta pelancong** dengan penurunan sebanyak **69.56%** peratus berbanding pada tahun **2019**. Alhamdulillah, kita telah mencapai sasaran bagi tahun 2020 dan ini memberikan cabaran yang besar kepada penggiat industri pelancongan kita di mana Negeri Melaka

bergantung **70%** daripada kedatangan pelancong domestik pada tahun ini.

7. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan nasib penggiat industri dan telah memberikan beberapa insentif pada tahun lepas selain melaksanakan beberapa inisiatif di bawah **Belanjawan 2021 Negeri Melaka**, seperti:

- Pemberian insentif **Kerajaan Negeri Melaka** kepada **Pemandu Pelancong** sebanyak **RM32,400.00** kepada **162 orang pemandu pelancong** pada 28 Februari 2021;

- Pemberian insentif **Kerajaan Negeri Melaka** kepada **Pemandu Bas Persiaran Pelancong sebanyak RM20,600.00 kepada 103 orang pemandu bas** pada 28 Februari 2021;
- **Mengecualikan cukai perkhidmatan ke atas sektor perhotelan, bermula Mac hingga Disember 2021;** dan
- **Mengecualikan duti hiburan untuk tiga taman tema air, iaitu A' Famosa Water Theme Park, Bayou Lagoon Resort dan Melaka Wonderland Water Theme Park,** pada 2021, serta program

hiburan keluarga bermusim, yang menyumbang hampir 1 juta ringgit kepada hasil negeri.

8. Pada hari ini juga, sukacitanya, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka ingin mengumumkan **Bantuan *One-Off* Kerajaan Negeri Melaka kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka** seperti:

- **Bantuan *One-Off* kepada 120 Pengusaha Agensi Kembara Pelancongan Negeri Melaka berjumlah RM1,000.00 setiap agensi kembara;**

- **Bantuan *One-Off* kepada 9 Pengusaha Homestay Negeri Melaka** berjumlah **RM2,000.00** bagi setiap pengusaha inap desa (*homestay*);
- **Bantuan *One-Off* kepada 67 Pengusaha Chalet Bumiputera Negeri Melaka** berjumlah **RM1,500.00** bagi setiap pengusaha; dan
- **Bantuan *One-Off* sebanyak RM5,000.00** kepada **Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Persatuan Hotel Malaysia Melaka (MAH) dan Persatuan Bajet Hotel Negeri Melaka (MyBHA).**

9. Jumlah keseluruhan penerima bantuan *one-off* ini ialah seramai **199 penggiat industri pelancongan Negeri Melaka** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM253,500.00**. **Kesemua bantuan *one-off* ini akan disalurkan terus ke dalam akaun penggiat industri pelancongan Negeri Melaka.** Saya berharap bantuan *one-off* ini sedikit sebanyak dapat membantu penggiat industri pelancongan Negeri Melaka meneruskan kelangsungan perniagaan di dalam sektor pelancongan ini di samping bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam memastikan Negeri Melaka terus

kekal sebagai destinasi pelancongan yang wajib dilawati.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

10. Saya percaya, dengan segala inisiatif yang dirancang ini termasuklah kempen mempromosi Melaka melalui tagline ***Melaka Is The Place To Be, Relax @ Melaka & Shopp @ Melaka serta Melakan Visit Melaka 3.0***, kita boleh mengangkat industri pelancongan ke tahap yang paling tinggi sekali gus mencapai sasaran **6.2 juta pelancong** yang ditetapkan pada tahun ini.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ